

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN
LISAN, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan :-

- (a) apakah mekanisme yang digunakan oleh Kementerian untuk membendung masalah moral remaja perempuan yang semakin meruncing; dan
- (b) statistik dan trend terkini masalah sosial yang melibatkan remaja perempuan di Sarawak dan Kota Samarahan.

JAWAPAN:

(a) Mekanisme yang digunakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk membendung masalah moral dalam kalangan remaja perempuan adalah meliputi aspek perundangan dan penguatkuasaan, perlindungan, advokasi serta pencegahan.

Pelaksanaan langkah-langkah ini melibatkan kerjasama strategik antara pihak KPWKM dengan pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik dan anggota masyarakat.

Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh KPWKM bagi membendung gejala sosial di kalangan remaja dan kanak-kanak adalah seperti berikut:

- i. Penubuhan 134 buah Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) di seluruh negara selaras dengan peruntukan Akta Kanak-Kanak 2001. Pasukan perlindungan ini berperanan untuk membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam menangani isu kanak-kanak seperti penderaan, pengabaian dan eksploitasi terutamanya di kawasan yang berisiko tinggi;

- ii. Pelaksanaan program pencegahan dan intervensi awal oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menerusi pembukaan Pusat Aktiviti Remaja Kafe@TEEN. Kafe@TEEN mensasarkan golongan remaja berumur antara 13 hingga 24 tahun bagi memberi maklumat berkaitan isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling khidmat nasihat klinikal kepada remaja; dan
- iii. Mewujudkan institusi pemulihan di mana sebanyak sembilan (9) buah Sekolah Tunas Bakti, sebelas (11) buah Asrama Akhlak, empat (4) buah Taman Seri Puteri dan dua (2) buah Pusat Jagaan Sinar Kasih telah diwujudkan bagi menjalankan program perlindungan dan pemulihan kepada remaja dan kanak-kanak yang terjebak dalam gejala sosial seperti kesalahan juvana dan hamil luar nikah.

(b) Statistik tahun 2014 menunjukkan seramai 20 orang remaja perempuan di Sarawak telah terlibat dengan masalah sosial yang dikategorikan sebagai kes polis seperti kesalahan dadah dan kerosakan harta-benda. Statistik JKM pula menunjukkan pada tahun 2014 seramai 35 orang remaja perempuan telah dimasukkan ke Taman Seri Puteri Kuching.